



## **SIARAN MEDIA**

**YB DR. XAVIER JAYAKUMAR  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

### **“OPERASI PEMINDAHAN GAJAH ASIA (LASAH) DAN HARIMAU BELANG (ZANAH)”**

**29 JULAI 2018**

- 
1. Sukacita saya ingin maklumkan bahawa Jabatan Perlindungan Hidupan Liar & Taman Negara (PERHILITAN) telahpun baru-baru ini menjalankan satu operasi khas pemindahan hidupan liar yang melibatkan seekor Gajah Asia yang bernama ‘Lasah’ dan seekor Harimau Belang yang bernama ‘Zanah’ yang sebelum ini ditempatkan di Langkawi Elephant Adventures (LEA) yang terletak di Oriental Village Bura Bay, Langkawi.
  2. Kesemua hidupan liar ini diserahkan kepada Jabatan PERHILITAN dan perlu dipindahkan kerana LEA sudah tidak dapat beroperasi di premis tersebut kerana telah diarahkan untuk mengosongkan kawasan tersebut daripada sebarang aktiviti. Selain daripada itu, Permit Pameran Tetap yang dikeluarkan oleh Jabatan PERHILITAN telah tamat tempoh serta tidak dapat diperbaharui.
  3. Dalam memastikan kebajikan hidupan liar ini terjamin sepenuhnya, hidupan liar ini perlu dipindahkan dan ditempatkan di lokasi baharu milik Jabatan PERHILITAN. Gajah ‘Lasah’ telah ditempatkan di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah manakala Harimau

Belang '*Zanah*' telah ditempatkan di Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC), Sungkai, Perak.

4. Operasi pemindahan ini telah bermula pada 26 Julai 2018 (Khamis) dan mengambil masa selama 3 hari sehingga proses perpindahan selesai. Operasi ini melibatkan kakitangan daripada Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang, Pusat Menyelamat Hidupan Liar (PMHL) Kebangsaan, Perak, PERHILITAN Kedah dan Ibu Pejabat Jabatan PERHILITAN.
5. Jabatan PERHILITAN telah membuat perancangan rapi dan turut bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan dan swasta yang berkaitan di Daerah Langkawi bagi memastikan proses perpindahan hidupan liar ini lancar dan tidak mendatangkan risiko kepada orang awam dan hidupan liar yang amat bernilai itu.
6. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang prihatin dan membantu Jabatan PERHILITAN dalam mengurus dan melancarkan operasi ini.

Sekian.

Untuk maklumat lanjut:-

1. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim  
Ketua Pengarah PERHILITAN  
Tel: 03-9086 6802  
e-mel: kadir@wildlife.gov.my
2. Wan Mohd Adib Bin Wan Mohd Yusoh  
Bahagian Perancangan & Korporat  
Tel: 019-9114288  
e-mel: wmadib@wildlife.gov.my

## Gambar Gajah (Lasah)



**Gambar Harimau Belang (Zanah)**



**OPERASI PERPINDAHAN GAJAH ASIA (LASAH) DARIPADA LANGKAWI ELEPHANT ADVENTURES  
(LEA) (ORIENTAL VILLAGE BURAU BAY, LANGKAWI)**




**Kedaaan Gajah 'Lasah' sebelum operasi pemindahan**




**Mahout  
Gajah**

**(PERHILITAN) memulakan proses pemindahan**



**Gajah 'Lasah' berjaya dipindahkan ke atas lori gajah**




**Gajah 'Lasah' dipindahkan keluar daripada Langkawi  
menggunakan feri**


**OPERASI PERPINDAHAN HARIMAU BELANG (ZANAH) DARIPADA LANGKAWI WILDLIFE PARK (LWP)**



**Harimau belang (Zanah) di dalam kurungan**



**'Zanah'** berjaya ditembak dengan pelali.



**Pemeriksaan dan merekod fizikal 'Zanah'**



**Zanah selamat dipindahkan ke dalam lori**